

PROGRAM LAWATAN KERJA DELEGASI DUTA EROPAH ANJURAN KERAJAAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS

IPOH, 2 MAC 2022

Satu Lawatan Kerja Delegasi Duta Eropah anjuran Kerajaan Negeri Perak telah diadakan pada 2 Mac 2022. Kunjungan daripada barisan Duta-Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia (EU) telah diketuai oleh *His Excellency* Michalis Rokas, Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia dan turut melibatkan 10 duta negara Eropah iaitu Perancis, Belgium, Spain, Ireland, Finland, Jerman, Romania, Austria, Sweden dan Itali.

Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mewujudkan jalinan perhubungan strategik khususnya dalam industri pelaburan, perdagangan, pengajian tinggi, kajian dan kerjasama saintifik antara Negeri Perak dan negara-negara Kesatuan Eropah.

Beberapa agensi peringkat Negeri Perak termasuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah mengambil bahagian dalam sesi pembentangan dan pembukaan booth pameran oleh yang diadakan di Casuarina Convention Centre, Meru, Ipoh sebagai platform jalinan hubungan dan pada masa yang sama mempromosikan keistimewaan negeri Perak kepada pihak EU sama ada dari sudut pelancongan, kebudayaan, pengilangan, pembuatan dan sebagainya. Program ini juga telah memberikan peluang kepada JPNPk untuk membina satu hubungan kerjasama dengan Kedutaan Finland yang berminat dalam skop penguatkuasaan dan penggunaan teknologi jabatan ini.



Pembentangan oleh JPNPk untuk menjelaskan skop tugas dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan serta pencapaian jabatan



Delegasi Duta-Duta juga telah melawat booth pameran JPNPk untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkaitan dengan inisiatif-inisiatif dan pencapaian jabatan



Delegasi Duta-Duta menunjukkan minat terhadap model koridor ekologi Central Forest Spine A-PL1 yang terletak di Hutan Simpan Amanjaya, Hulu Perak



Delegasi Duta-Duta Eropah bersama dengan Barisan Pegawai JPNPk serta Pegawai UPEN di depan booth pameran JPNPk